

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH : 14 MAC 2016
SOALAN :**

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) jumlah serbuan atau tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah di mana pusat akademi kecantikan atau beauty academy mengadakan kursus untuk mengajar orang ramai (yang tidak mempunyai pengetahuan dalam perubatan) memberi suntikan botox, dermal filler, vitamin C dan sebagainya; dan
- (b) berapa kes yang ditangkap di Sibu dan apakah rancangan untuk menangani masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat akademi kecantikan atau *beauty academy* adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan produk kesihatan, kecantikan dan kosmetik yang digunakan untuk tujuan pengajaran

adalah produk berdaftar dan bernetifikasi dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah mengikut Peraturan - Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Pemilikan produk kesihatan, kecantikan dan kosmetik yang tidak berdaftar dan tidak bernetifikasi adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

Jika produk yang digunakan adalah produk yang mengandungi racun berjadual, produk tersebut mestilah dikendalikan oleh individu yang diberi lesen dan kuasa mengikut Akta Racun 1952 iaitu ahli farmasi dan pengamal perubatan.

Sepanjang tahun 2013 – 2015 sebanyak 859 produk yang telah dirampas di salun dan pusat kecantikan. Produk yang dirampas adalah merangkumi produk yang tidak berdaftar, kosmetik tidak bernetifikasi dan produk yang mengandungi racun berjadual. Jadual di bawah menunjukkan statistik rampasan dan jumlah bilangan premis salun dan pusat kecantikan yang diperiksa.

Tahun	Jumlah Premis	Jumlah bilangan rampasan	Jumlah Nilai rampasan (RM)
2013	94	376	599,789
2014	47	296	187,410
2015	36	187	485,019
Jumlah	177	859	1,272,218

Untuk tahun 2013 – 2015, semakan rekod menunjukkan tiada kes rampasan yang melibatkan premis salon dan pusat kecantikan di SibU. Walaubagaimanapun, sebanyak 17 premis salon dan premis kecantikan di SibU telah diperiksa sepanjang tempoh berkenaan. Hasil pemeriksaan mendapati tiada rampasan melibatkan produk kesihatan, kecantikan dan kosmetik yang menyalahi undang-undang di premis-premis tersebut.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pemantauan pasaran, pemeriksaan rutin, pendakwaan, serbuan dan rampasan bagi mengawalselia penjualan produk kesihatan di Malaysia, termasuklah membuat pemantauan kepada pusat-pusat akademi kecantikan yang mengadakan kursus untuk mengajar orang ramai berkaitan hal-hal seperti suntikan botox, dermal filler dan vitamin.

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi juga telah mengadakan kempen kesedaran dan pendidikan pengguna melalui ceramah dan pameran untuk menerangkan kesan penggunaan suntikan botox dan vitamin C tanpa kawalan daripada pakar perubatan berdaftar. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,770 aktiviti pencegahan dan kesedaran pengguna telah dijalankan di seluruh Malaysia. Sebanyak 685 ceramah, 937 pameran dan 148 dialog yang melibatkan penyertaan pelbagai golongan masyarakat termasuklah pelajar, penjawat awam dan swasta serta penduduk bandar dan luar bandar telah berjaya dijalankan. Sehingga bulan Disember 2015, sebanyak 1,566 aktiviti dijalankan melibatkan 597 ceramah, 855 pameran dan 114 dialog.